



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 47
No. 12

15hb Jun 2003

*TAMBAHAN No. 59
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 194.

AKTA BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH 2002

PERATURAN-PERATURAN BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH 2003

SUSUNAN PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Borang
4. Tatacara yang terpakai

BAHAGIAN II
PERMINTAAN OLEH MALAYSIA

Peraturan

5. Permintaan oleh Malaysia
6. Borang dan perakuan kesahan keterangan dan rekod yang diperoleh
7. Kehadiran dan jagaan banduan atau orang di bawah tahanan semasa berada di Malaysia
8. Perakuan mengenai orang yang hadir di Malaysia
9. Perakuan mengenai dapatan harta oleh Negara asing
10. Penyampaian dokumen dan bukti penyampaian

BAHAGIAN III
PERMINTAAN KEPADA MALAYSIA

PENGGAL 1

AM

11. Permintaan kepada Malaysia
12. Arahan khas Menteri

PENGGAL 2

PENGAMBILAN KETERANGAN

13. Pengambilan keterangan bagi prosiding jenayah
14. Permintaan bagi saman
15. Fi saksi
16. Pengeluaran perintah pengemukaan

PENGGAL 3

KEHADIRAN ORANG DI NEGARA ASING YANG DITETAPKAN

17. Permintaan bagi kehadiran orang di Negara asing yang ditetapkan
18. Permintaan bagi kehadiran banduan atau orang di bawah tahanan
19. Pemindahan banduan atau orang di bawah tahanan secara sementara
20. Pengembalian banduan atau orang di bawah tahanan
21. Membawa orang dalam jagaan melalui Malaysia

*PENGGAL 4***PENGUATKUASAAN PERINTAH PELUCUTHAKAN ASING**

22. Pemberikuasaan bagi penguatkuasaan perintah pelucuthakan asing dan penyekatan urusan mengenai harta
23. Kes yang mengenainya perintah sekatan boleh dibuat
24. Pengeluaran perintah sekatan
25. Penguatkuasaan perintah sekatan
26. Pelepasan atau pengubahan perintah sekatan
27. Pendaftaran perintah pelucuthakan asing
28. Penguatkuasaan perintah pelucuthakan asing
29. Perlantikan pengurus
30. Pemindahan boleh batal
31. Pelindungan kepentingan pihak ketiga yang *bona fide*

*PENGGAL 5***PENGGELEDAHAN DAN PENYITAAN**

32. Kebenaran bagi memohon waran geledah

*PENGGAL 6***MENCARI ATAU MENGENAL PASTI ORANG**

33. Kebenaran bagi mencari atau mengenal pasti orang

*PENGGAL 7***PENYAMPAIAN PROSES**

34. Kebenaran bagi penyampaian proses

BAHAGIAN IV**AM**

35. Daftar
36. Afidavit

JADUAL

AKTA BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH 2002

PERATURAN-PERATURAN BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH 2003

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 44 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 [*Akta 621*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2003**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 Jun 2003.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“afidavit” termasuklah apa-apa ikrar,akuan berkanun atauakuan lain, pengakuan, pemeriksaan dan pengakusaksian atau pengakuan kehormatan;

“Ketua Pengarah Penjara” ertinya Ketua Pengarah Penjara yang dilantik di bawah seksyen 10 Akta Penjara 1995 [*Akta 537*];

“mahkamah” ertinya mahkamah dengan bidang kuasa sewajarnya.

Borang

3. Borang-borang dalam Jadual Pertama, dengan apa-apa perubahan yang dikehendaki mengikut hal keadaan setiap kes, boleh digunakan bagi maksud masing-masing Akta dan Peraturan-Peraturan ini.

Tatacara yang terpakai

4. (1) Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*] hendaklah, melainkan jika diperuntukkan secara nyata selainnya dalam Peraturan-Peraturan ini, terpakai bagi maksud Akta dan Peraturan-Peraturan ini.

(2) Jika permintaan oleh sesuatu Negara asing yang ditetapkan kepada Malaysia bagi bantuan dalam perkara jenayah di bawah Bahagian III Akta mengandungi butir-butir mengenai tatacara yang Negara asing yang ditetapkan itu inginkan Malaysia turuti pada melaksanakan permintaan itu, tatacara itu hendaklah terpakai setakat yang tatacara itu tidak bercanggah dengan undang-undang bertulis dan peruntukan-peruntukan Peraturan-Peraturan ini dan dalam hal sedemikian, peruntukan-peruntukan Kanun Tatacara Jenayah yang berkaitan hendaklah terpakai dengan pengubahsuaian yang diperlukan.

BAHAGIAN II

PERMINTAAN OLEH MALAYSIA

Permintaan oleh Malaysia

5. Sesuatu permintaan oleh Malaysia kepada sesuatu Negara asing bagi bantuan dalam perkara jenayah di bawah Bahagian II Akta hendaklah dibuat secara bertulis dalam bentuk yang ditentukan oleh Peguam Negara.

Borang dan perakuan kesahan keterangan dan rekod yang diperoleh

6. Bagi maksud seksyen 8 Akta—

- (a) pernyataan yang dibuat hendaklah, kecuali apabila direkodkan secara bertulis oleh mahkamah, dalam bentuk afidavit mengikut Borang 1; dan
- (b) dokumen dan rekod yang diperoleh oleh pihak berkuasa yang berkenaan Negara asing itu hendaklah disertakan dengan suatu perakuan kesahan mengikut Borang 2.

Kehadiran dan jagaan banduan atau orang di bawah tahanan semasa berada di Malaysia

7. (1) Jika kehadiran seorang banduan atau orang di bawah tahanan di sesuatu Negara asing dikehendaki di Malaysia bagi maksud memberikan keterangan atau bantuan berhubung dengan suatu perkara jenayah di Malaysia menurut sesuatu permintaan oleh Malaysia di bawah seksyen 9 Akta, Peguam Negara boleh mengeluarkan suatu waran mengikut Borang 3 kepada Ketua Pengarah Penjara untuk menghendaki Ketua Pengarah Penjara itu mengambil banduan atau orang di bawah tahanan itu ke dalam jagaan di Negara asing itu dan membawanya dalam jagaan ke Malaysia dan di Malaysia, untuk menahannya dalam jagaan sehingga kehadirannya tidak lagi dikehendaki oleh pihak berkuasa yang berkenaan atau mahkamah di Malaysia.

(2) Sebaik sahaja kehadiran banduan atau orang di bawah tahanan itu tidak lagi dikehendaki oleh pihak berkuasa yang berkenaan atau mahkamah di Malaysia yang di hadapannya dia dikehendaki hadir, Peguam Negara hendaklah—

- (a) memaklumkan pihak berkuasa yang berkenaan di Negara asing itu dengan sewajarnya secara bertulis; dan
- (b) mengeluarkan waran mengikut Borang 4 kepada Ketua Pengarah Penjara untuk menghendaki Ketua Pengarah Penjara itu membawa banduan atau orang di bawah tahanan itu dalam jagaan ke Negara asing itu dan di sana untuk menyerahkannya ke dalam jagaan pihak berkuasa Negara asing itu yang dilantik dengan sewajarnya oleh pihak berkuasa yang berkenaan Negara asing itu untuk menerima banduan atau orang di bawah tahanan itu.

(3) Tiada apa-apa jua dalam peraturan ini boleh ditafsirkan sebagai menghalang seorang pegawai diberi kuasa Negara asing itu daripada mengiringi banduan atau orang di bawah tahanan itu sepanjang perjalanannya dan semasa dia berada di Malaysia.

Perakuan mengenai orang yang hadir di Malaysia

8. Sesuatu perakuan oleh Peguam Negara di bawah subperenggan 11(2)(b)(ii) Akta hendaklah mengikut Borang 5.

Perakuan mengenai dapatan harta oleh Negara asing

9. (1) Sesuatu perakuan oleh pihak berkuasa yang berkenaan sesuatu Negara asing di bawah subseksyen 13(2) Akta hendaklah mengikut Borang 6.

(2) Nilai harta yang didapatkan itu hendaklah dinyatakan mengikut nilainya pada tarikh harta itu didapatkan.

(3) Nilai harta yang didapatkan itu hendaklah dinyatakan dalam mata wang Negara asing itu dengan nilai yang setara dalam ringgit Malaysia.

(4) Bagi maksud peraturan ini, kadar pertukaran yang terpakai hendaklah kadar pertukaran semasa pada tarikh harta itu didapatkan.

Penyampaian dokumen dan bukti penyampaian

10. (1) Bagi maksud seksyen 15 Akta, pihak berkuasa yang berkenaan Negara asing itu boleh mengemukakan suatu affidavit sebagai bukti penyampaian proses.

(2) Sesuatu affidavit seseorang yang telah menyampaikan sesuatu dokumen di Negara asing itu bagi maksud Akta hendaklah mengikut Borang 7.

BAHAGIAN III

PERMINTAAN KEPADA MALAYSIA

PENGGAL 1

AM

Permintaan kepada Malaysia

11. Sesuatu permintaan oleh sesuatu Negara asing yang ditetapkan kepada Malaysia bagi bantuan dalam perkara jenayah di bawah Bahagian III Akta hendaklah dibuat secara bertulis.

Arahan khas Menteri

12. Sesuatu arahan khas Menteri di bawah seksyen 18 Akta hendaklah dibuat mengikut Borang 8.

*PENGGAL 2***PENGAMBILAN KETERANGAN****Pengambilan keterangan bagi prosiding jenayah**

13. (1) Jika Peguam Negara membenarkan pengambilan keterangan di bawah subseksyen 22(1) Akta, Peguam Negara hendaklah mengemukakan kebenarannya mengikut Borang 9 kepada Hakim Mahkamah Sesyen supaya mengambil keterangan yang dikehendaki.

(2) Perakuan Hakim Mahkamah Sesyen yang dikehendaki di bawah perenggan 22(2)(b) Akta hendaklah mengikut Borang 10.

Permintaan bagi saman

14. Sesuatu permintaan bagi pengeluaran saman hendaklah dibuat oleh seorang pegawai diberi kuasa mengikut Borang 11 dan hendaklah disokong oleh—

- (a) suatu pernyataan yang menyatakan nama dan perihalan pihak berkuasa yang berkenaan Negara asing yang ditetapkan yang membuat permintaan untuk bantuan itu dan alasan bagi memohon saman itu; dan
- (b) affidavit yang menentusahkan fakta yang disandarkan.

Fi saksi

15. (1) Seseorang yang hadir sebagai saksi di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen mengikut suatu saman di bawah peraturan 14 berhak dibayar fi saksi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(2) Fi saksi hendaklah kena dibayar oleh Peguam Negara kepada seseorang saksi selepas saksi itu diizinkan tidak hadir atau dilepaskan daripada hadir sebagai saksi oleh Hakim Mahkamah Sesyen.

(3) Tiada apa-apa jua dalam subperaturan (2) boleh menghalang Peguam Negara daripada membayar atau memberi seseorang saksi yang dipanggil di bawah peraturan 14 apa-apa bahagian fi saksi itu secara pendahuluan sekiranya didapati patut oleh Peguam Negara.

Pengeluaran perintah pengemukaan

16. (1) Pemberikuasaan yang diberikan oleh Peguam Negara kepada seseorang yang dilantik olehnya dengan sewajarnya di bawah subseksyen 23(1) Akta untuk memohon kepada mahkamah untuk mendapatkan suatu perintah pengemukaan berkenaan dengan apa-apa benda tertentu atau perihalan sesuatu benda hendaklah mengikut Borang 12.

(2) Sesuatu permohonan kepada mahkamah untuk mendapatkan suatu perintah pengemukaan di bawah seksyen 23 Akta hendaklah mengikut Borang 13 dan hendaklah disokong oleh—

- (a) suatu pernyataan yang menyatakan nama dan perihalan pihak berkuasa yang berkenaan Negara asing yang ditetapkan yang membuat permintaan untuk bantuan itu dan alasan bagi memohon perintah pengemukaan itu; dan
- (b) affidavit yang menentusahkan fakta yang disandarkan.

(3) Perintah pengemukaan yang dikeluarkan oleh mahkamah di bawah subseksyen 23(3) Akta hendaklah mengikut Borang 14.

PENGGAL 3

KEHADIRAN ORANG DI NEGARA ASING YANG DITETAPKAN

Permintaan bagi kehadiran orang di Negara asing yang ditetapkan

17. (1) Bagi maksud seksyen 27 Akta, Peguam Negara hendaklah mengeluarkan suatu notis mengikut Borang 15 bagi kehadiran orang yang berkenaan di hadapan Peguam Negara atau seorang pegawai diberi kuasa untuk menentukan sama ada orang itu dengan rela hati bersetuju untuk pergi ke dan hadir di Negara asing yang ditetapkan itu sebagaimana yang diminta.

(2) Apabila orang itu hadir pada tarikh, masa dan di tempat yang dinyatakan dalam notis yang dikeluarkan di bawah subperaturan (1), Peguam Negara atau seorang pegawai diberi kuasa hendaklah memberitahu orang itu, dalam kehadiran wakilnya di sisi undang-undang, jika ada, mengenai hak dan liabilitinya jika dia bersetuju untuk pergi ke Negara asing yang ditetapkan itu untuk memberikan keterangan atau bantuan dalam perkara jenayah yang berkaitan dengan permintaan itu, termasuklah perkara yang berikut:

- (a) substans, setakat yang berkaitan dengan orang itu, perkiraan antarabangsa yang mengikutnya dicadangkan supaya orang itu pergi ke Negara asing yang ditetapkan itu;
- (b) butir-butir tentang perkiraan bagi peningapannya semasa dia berada di Negara asing yang ditetapkan itu;
- (c) butir-butir tentang fi, elaun dan perbelanjaan, jika ada, yang kena dibayar kepadanya oleh Negara asing yang ditetapkan itu;
- (d) butir-butir tentang perkiraan bagi keselamatannya semasa perjalanannya pergi ke dan balik dari Negara asing yang ditetapkan itu dan semasa dia berada di Negara asing yang ditetapkan itu, jika ada;
- (e) hak dan obligasinya dalam memberikan keterangan atau bantuan berhubung dengan perkara jenayah yang berkaitan dengan permintaan itu; dan
- (f) kesan dan akibat persetujuannya.

(3) Persetujuan yang diberikan oleh orang itu bagi maksud subperaturan (2) hendaklah diberikan oleh orang itu sendiri secara bertulis.

(4) Melainkan jika dipersetujui secara nyata selainnya oleh Peguam Negara, Negara asing yang ditetapkan itu hendaklah menanggung dan bertanggungjawab bagi perbelanjaan perjalanan dan perbelanjaan sampingan orang yang pergi ke dan kembali dari Negara asing yang ditetapkan itu, termasuklah perbelanjaan pegawai pengiring.

Permintaan bagi kehadiran banduan atau orang di bawah tahanan

18. (1) Jika orang yang diminta hadir di Negara asing yang ditetapkan di bawah seksyen 27 Akta bagi maksud memberikan keterangan atau bantuan berhubung dengan suatu perkara jenayah di Negara asing yang ditetapkan itu ialah seorang banduan atau orang di bawah tahanan, Peguam Negara boleh, sebagai tambahan kepada notis yang dikeluarkan di bawah peraturan 17, membuat suatu permintaan di bawah seksyen 31 Akta Penjara 1995 atau undang-undang bertulis yang terpakai yang berkenaan dengannya orang di bawah tahanan itu ditahan bagi kehadiran banduan atau orang di bawah tahanan itu di hadapan Peguam Negara atau seorang pegawai diberi kuasa untuk menentukan sama ada banduan atau orang di bawah tahanan itu dengan rela hati bersetuju untuk pergi ke dan hadir di Negara asing yang ditetapkan itu sebagaimana yang diminta.

(2) Sesuatu permintaan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat mengikut Borang 16.

(3) Apabila banduan atau orang di bawah tahanan itu dikemukakan pada tarikh, masa dan di tempat yang dinyatakan dalam permintaan yang dikeluarkan di bawah subperaturan (1), Peguam Negara atau seorang pegawai diberi kuasa hendaklah memberitahu banduan atau orang di bawah tahanan itu, dalam kehadiran wakilnya di sisi undang-undang, jika ada, mengenai hak dan liabilitinya jika dia bersetuju untuk pergi ke Negara asing yang ditetapkan itu untuk memberikan keterangan atau bantuan dalam perkara jenayah yang berkaitan dengan permintaan itu, termasuklah perkara yang berikut:

- (a) substans, setakat yang berkaitan dengan banduan atau orang di bawah tahanan itu, perkiraan antarabangsa yang mengikutnya dicadangkan supaya dia dipindahkan secara sementara ke Negara asing yang ditetapkan itu;
- (b) kesan, berhubung dengan banduan atau orang di bawah tahanan itu, waran yang dicadangkan untuk dikeluarkan berkenaan dengannya di bawah Peraturan-Peraturan ini;
- (c) butir-butir tentang perkiraan bagi penginapannya semasa dia berada di Negara asing yang ditetapkan itu;
- (d) butir-butir tentang fi, elaun dan perbelanjaan, jika ada, yang kena dibayar kepadanya oleh Negara asing yang ditetapkan itu;
- (e) butir-butir tentang perkiraan bagi keselamatannya semasa perjalanannya pergi ke dan balik dari Negara asing yang ditetapkan itu dan semasa dia berada di Negara asing yang ditetapkan itu, jika ada;

- (f) hak dan obligasinya dalam memberikan keterangan atau bantuan berhubung dengan perkara jenayah yang berkaitan dengan permintaan itu;
 - (g) kesan pemindahan jagaan secara sementara itu ke atas tempoh pemenjaraan atau penahanannya di Malaysia;
 - (h) bahawa dia akan disifatkan sebagai ditahan secara sah dalam penjara yang menerimanya di Negara asing yang ditetapkan itu;
 - (i) bahawa semasa dia berada dalam jagaan di Negara asing yang ditetapkan itu, dia tertakluk kepada segala undang-undang, peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah yang terpakai bagi penjara yang menerimanya di Negara asing yang ditetapkan itu; dan
 - (j) kesan dan akibat persetujuannya, termasuklah bahawa persetujuan itu tidak boleh ditarik balik setelah waran di bawah peraturan 19 dikeluarkan.
- (4) Persetujuan yang diberikan oleh banduan atau orang di bawah tahanan itu bagi maksud subperaturan (3) hendaklah diberikan oleh banduan atau orang di bawah tahanan itu sendiri secara bertulis.
- (5) Persetujuan yang diberikan oleh banduan atau orang di bawah tahanan itu bagi maksud subperaturan (3) tidak boleh ditarik balik setelah suatu waran dikeluarkan berkenaan dengan banduan atau orang di bawah tahanan itu di bawah peraturan 19 dan dengan demikian itu, sesuatu penarikan balik persetujuan itu selepas masa itu tidak akan menjejaskan kesahan waran itu.

Pemindahan banduan atau orang di bawah tahanan secara sementara

19. (1) Jika banduan atau orang di bawah tahanan itu dengan rela hati bersetuju untuk pergi ke dan hadir di Negara asing yang ditetapkan untuk memberikan keterangan atau bantuan dalam perkara jenayah yang berkaitan dengan permintaan itu dan Peguam Negara bersetuju untuk membenarkan kehadirannya di Negara asing yang ditetapkan itu, Peguam Negara hendaklah mengeluarkan suatu waran mengikut Borang 17 untuk pemindahan secara sementara banduan atau orang di bawah tahanan itu ke Negara asing yang ditetapkan itu.

(2) Peguam Negara hendaklah menyatakan dalam waran itu—

- (a) tarikh banduan atau orang di bawah tahanan itu sepatutnya dilepaskan daripada jagaan atau tahanan di bawah undang-undang Malaysia; dan
- (b) tarikh banduan atau orang di bawah tahanan itu sepatutnya dikembalikan ke Malaysia,

dan hendaklah memaklumkan pihak berkuasa yang berkenaan Negara asing yang ditetapkan itu mengenai apa-apa perubahan tarikh-tarikh itu.

(3) Banduan atau orang di bawah tahanan itu hendaklah dipindahkan ke dalam jagaan seorang pegawai Negara asing yang ditetapkan itu bagi maksud membawanya dari Malaysia ke Negara asing yang ditetapkan itu.

(4) Tiada apa-apa jua dalam peraturan ini boleh ditafsirkan sebagai menghalang seorang pegawai diberi kuasa daripada mengiringi banduan atau orang di bawah tahanan itu sepanjang perjalanannya dan semasa dia berada di Negara asing yang ditetapkan itu.

Pengembalian banduan atau orang di bawah tahanan

20. (1) Jika seorang banduan atau orang di bawah tahanan telah pergi ke Negara asing yang ditetapkan untuk memberikan keterangan atau bantuan dalam perkara jenayah menurut suatu permintaan di bawah seksyen 27 Akta, maka sebaik sahaja kehadirannya tidak lagi dikehendaki oleh pihak berkuasa yang berkenaan atau mahkamah di Negara asing yang ditetapkan itu yang di hadapannya dia dikehendaki hadir, pihak berkuasa yang berkenaan di Negara asing yang ditetapkan itu hendaklah memberitahu Peguam Negara secara bertulis dengan sewajarnya.

(2) Apabila notis di bawah subperaturan (1) diterima, Peguam Negara hendaklah mengeluarkan suatu waran mengikut Borang 18 untuk mengembalikan banduan atau orang di bawah tahanan itu ke dalam jagaan atau tahanan di Malaysia.

(3) Tiada apa-apa jua dalam peraturan ini boleh menghalang pelepasan banduan atau orang di bawah tahanan itu di Negara asing yang ditetapkan itu tanpa pengembalian ke Malaysia jika banduan atau orang di bawah tahanan itu menjadi berhak dilepaskan semasa dia berada di Negara asing yang ditetapkan itu jika Peguam Negara dan pihak berkuasa yang berkenaan Negara asing yang ditetapkan itu dan banduan atau orang di bawah tahanan itu bersetuju sedemikian.

Membawa orang dalam jagaan melalui Malaysia

21. (1) Sesuatu notis kepada Peguam Negara di bawah subseksyen 29(1) Akta bahawa seseorang yang dalam jagaan di suatu Negara asing yang ditetapkan akan dibawa ke suatu Negara asing yang ditetapkan yang lain melalui Malaysia hendaklah dibuat secara bertulis.

(2) Sesuatu arahan Peguam Negara di bawah subseksyen 29(3) Akta bagi pemindahan dan pengembalian seseorang yang dalam jagaan yang sedang dibawa melalui Malaysia ke Negara asing yang ditetapkan yang darinya dia mula-mula dibawa hendaklah mengikut Borang 19.

PENGGAL 4

PENGUATKUASAAN PERINTAH PELUCUTHAKAN ASING

Pemberikuasaan bagi penguatkuasaan perintah pelucuthakan asing dan penyekatan urusan mengenai harta

22. (1) Sesuatu pemberikuasaan yang diberikan oleh Peguam Negara di bawah perenggan 31(2)(a) Akta untuk menguatkuasakan suatu perintah pelucuthakan asing hendaklah mengikut Borang 20.

(2) Sesuatu pemberikuasaan yang diberikan oleh Peguam Negara di bawah perenggan 31(2)(b) Akta untuk menyekat urusan mengenai harta hendaklah mengikut Borang 21.

Kes yang mengenainya perintah sekatan boleh dibuat

23. (1) Kuasa yang diberikan kepada Mahkamah Tinggi oleh peraturan 24 untuk membuat perintah sekatan boleh dilaksanakan jika—

- (a) prosiding kehakiman telah dimulakan di sesuatu Negara asing yang ditetapkan;
- (b) prosiding kehakiman itu belum lagi selesai; dan
- (c) sama ada—
 - (i) suatu perintah pelucuthakan asing telah dibuat dalam prosiding kehakiman itu; atau
 - (ii) Mahkamah Tinggi mendapati bahawa terdapat alasan munasabah untuk mempercayai bahawa suatu perintah pelucuthakan asing akan dibuat dalam prosiding kehakiman itu.

(2) Kuasa yang diberikan kepada Mahkamah Tinggi oleh peraturan 24 untuk membuat perintah sekatan juga boleh dilaksanakan jika—

- (a) Mahkamah Tinggi berpuas hati, sama ada melalui maklumat yang telah dikemukakan kepadanya atau selainnya, bahawa prosiding kehakiman akan dimulakan di Negara asing yang ditetapkan itu; dan
- (b) Mahkamah Tinggi mendapati bahawa suatu perintah pelucuthakan asing akan dibuat dalam prosiding kehakiman itu.

(3) Jika Mahkamah Tinggi telah membuat suatu perintah sekatan di bawah peraturan 24 menurut kuasa subperaturan (2), Mahkamah Tinggi hendaklah melepaskan perintah sekatan itu jika prosiding kehakiman yang dicadangkan itu tidak dimulakan dalam tempoh yang didapati munasabah oleh Mahkamah Tinggi dan yang bagaimanapun tidak boleh melebihi tempoh tiga bulan.

(4) Mahkamah Tinggi tidak boleh membuat suatu perintah sekatan di bawah peraturan 24 jika Mahkamah Tinggi berpendapat bahawa adalah bercanggah dengan kepentingan keadilan untuk membuat perintah sekatan itu.

Pengeluaran perintah sekatan

24. (1) Sesuatu permohonan bagi suatu perintah sekatan di bawah seksyen 31 Akta hendaklah dibuat secara *ex parte* mengikut Borang 22 kepada Hakim dalam Kamar dan hendaklah disokong oleh—

- (a) suatu pernyataan yang menyatakan nama dan perihalan pihak berkuasa yang berkenaan Negara asing yang ditetapkan yang membuat permintaan untuk bantuan itu dan alasan bagi memohon perintah sekatan itu;
- (b) afidavit yang menentusahkan fakta yang disandarkan;

(c) suatu perakuan yang dikeluarkan oleh atau bagi pihak pihak berkuasa yang berkenaan Negara asing yang ditetapkan yang membuat permintaan untuk bantuan itu yang menyatakan—

- (i) bahawa prosiding kehakiman telah dimulakan di Negara asing yang ditetapkan itu dan belum lagi selesai, atau bahawa prosiding kehakiman akan dimulakan di Negara asing yang ditetapkan itu dan, jika demikian, bila prosiding kehakiman itu dicadangkan untuk dimulakan;
- (ii) jika berkenaan, alasan untuk mempercayai bahawa suatu perintah pelucuthakan asing akan dibuat dalam prosiding kehakiman yang telah dimulakan atau yang akan dimulakan di Negara asing yang ditetapkan itu;
- (iii) butir-butir mengenai harta yang berkenaannya perintah sekatan itu diminta dan yang menyatakan orang atau orang-orang yang memegang harta itu;
- (iv) butir-butir mengenai kaitan antara defendan dalam prosiding kehakiman di Negara asing yang ditetapkan itu dan harta yang berkenaannya perintah sekatan itu diminta; dan
- (v) butir-butir mengenai apa-apa perintah mahkamah atau perintah lain yang dibuat di Negara asing yang ditetapkan itu terhadap defendan di Negara asing yang ditetapkan itu berkenaan dengan harta yang berkenaannya perintah sekatan itu diminta,

dan perakuan itu boleh mengandungi pernyataan tentang maklumat atau kepercayaan bersama-sama dengan sumber dan alasan baginya; dan

(d) jika ada, suatu salinan apa-apa perintah mahkamah atau perintah lain yang disahkan dengan sewajarnya yang dibuat terhadap defendan di Negara asing yang ditetapkan itu berkenaan dengan harta yang berkenaannya perintah sekatan itu diminta.

(2) Jika seorang pegawai diberi kuasa memohon kepada Hakim dalam Kamar untuk pengeluaran suatu perintah sekatan mengikut subperaturan (1), Hakim dalam Kamar hendaklah mengeluarkan suatu perintah sekatan terhadap orang yang memegang harta yang dinyatakan dalam permohonan itu atau mana-mana bahagian harta itu mengikut Borang 23 untuk melarang orang itu daripada berurusan dengan harta yang dinyatakan dalam perintah sekatan itu, tertakluk kepada apa-apa syarat dan kekecualian yang dinyatakan dalam perintah itu.

(3) Sebelum mengeluarkan suatu perintah sekatan di bawah subperaturan (2), Hakim dalam Kamar boleh menghendaki Peguam Negara supaya memberikan apa-apa aku janji yang didapati patut oleh Hakim berkenaan dengan pembayaran ganti rugi atau kos, atau kedua-duanya, berhubung dengan pengeluaran perintah sekatan itu.

(4) Bagi maksud peraturan ini, Bank boleh mengeluarkan suatu perakuan mengikut Borang 24 yang menyatakan kadar pertukaran semasa pada tarikh yang dinyatakan.

(5) Perakuan yang dikeluarkan oleh atau bagi pihak pihak berkuasa yang berkenaan Negara asing yang ditetapkan di bawah seksyen 34 Akta hendaklah mengikut Borang 25.

(6) Tertakluk kepada subperaturan (10), perintah sekatan itu hendaklah berkuat kuasa pada tarikh yang dinyatakan dalam perintah sekatan itu, yang tidak boleh merupakan suatu tarikh yang lebih awal daripada tarikh perintah sekatan itu sendiri.

(7) Tertakluk kepada subperaturan 23(3), suatu perintah sekatan yang dikeluarkan di bawah subperaturan (2) hendaklah terus berkuat kuasa sehingga ia dilepaskan di bawah peraturan 26.

(8) Dalam keadaan yang memerlukan tindakan segera, Peguam Negara boleh mengeluarkan suatu perintah sekatan interim mengikut Borang 26 bagi tempoh tidak melebihi empat belas hari sementara menunggu pengeluaran suatu perintah sekatan di bawah subperaturan (2) dan perintah sekatan interim itu hendaklah berkuat kuasa seolah-olah perintah itu ialah suatu perintah sekatan yang dikeluarkan di bawah subperaturan (2) dan menjadi kuasa yang mencukupi bagi semua orang yang kepadanya perintah itu ditujukan.

(9) Suatu perintah sekatan interim hendaklah terhenti berkuat kuasa apabila suatu perintah sekatan dikeluarkan di bawah subperaturan (2).

(10) Jika suatu perintah sekatan interim telah dikeluarkan di bawah subperaturan (8), perintah sekatan yang dikeluarkan di bawah subperaturan (2) hendaklah berkuat kuasa pada tarikh perintah sekatan interim itu.

(11) Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini, harta adalah dipegang oleh mana-mana orang jika dia memegang apa-apa kepentingan dalamnya.

Penguatkuasaan perintah sekatan

25. (1) Sesuatu perintah sekatan yang dikeluarkan di bawah peraturan 24 boleh terpakai bagi segala harta yang berkenaan dengannya suatu perintah pelucuthakan asing boleh dibuat yang dipegang oleh seseorang yang dinyatakan—

(a) tidak kira sama ada harta itu diperihalkan dalam perintah sekatan itu atau tidak; atau

(b) yang merupakan harta yang dipindah milik kepadanya selepas perintah sekatan itu dibuat.

(2) Sesuatu perintah sekatan boleh mengadakan peruntukan mengenai penyampaian kepada, atau pemberian notis kepada, orang yang terjejas oleh perintah itu mengikut apa-apa cara yang diarahkan oleh Mahkamah Tinggi.

(3) Sesuatu perintah sekatan boleh dilepaskan atau diubah berhubung dengan apa-apa harta melalui suatu perintah Mahkamah Tinggi yang dikeluarkan di bawah peraturan 26.

(4) Sesuatu perintah sekatan hendaklah dilepaskan melalui suatu perintah Mahkamah Tinggi yang dikeluarkan di bawah peraturan 26 apabila prosiding kehakiman yang dimulakan di Negara asing yang ditetapkan yang berhubungan dengannya perintah itu dikeluarkan diselesaikan dan tiada perintah pelucuthakan asing dibuat.

(5) Kerajaan Malaysia hendaklah mempunyai budi bicara mutlak mengenai pengurusan dan pelupusan apa-apa harta yang berhubungan dengannya sesuatu perintah sekatan dikeluarkan.

(6) Jika suatu perintah sekatan telah dikeluarkan di bawah peraturan 24, seorang pegawai diberi kuasa boleh, bagi maksud menghalang apa-apa urusan mengenai apa-apa harta atau pemindahan apa-apa harta dari Malaysia, menyita harta itu.

(7) Bagi maksud subperaturan (6), penyitaan harta tak alih hendaklah dilaksanakan—

- (a) dengan pengeluaran suatu Notis Penyitaan mengikut Borang 27 oleh Peguam Negara yang menyatakan butir-butir harta tak alih yang disita itu setakat yang butir-butir itu diketahuinya dan yang melarang segala urusan mengenai harta tak alih itu;
- (b) dengan menyiarkan suatu salinan Notis Penyitaan itu dalam dua akhbar yang diedarkan di Malaysia, satu daripadanya hendaklah dalam bahasa kebangsaan dan satu lagi dalam bahasa Inggeris; dan
- (c) dengan menyampaikan suatu salinan Notis Penyitaan itu kepada Pentadbir Tanah atau Pendaftar Hakmilik, mengikut mana-mana yang berkenaan, di Semenanjung Malaysia, atau kepada Pendaftar Hakmilik atau Pemungut Hasil Tanah, mengikut mana-mana yang berkenaan, di Sabah, atau kepada Pengarah Tanah dan Ukur atau Pendaftar yang bertanggungjawab bagi hakmilik tanah, mengikut mana-mana yang berkenaan, di Sarawak, bagi kawasan tempat terletakanya harta tak alih itu.

(8) Pentadbir Tanah, Pemungut Hasil Tanah, Pengarah Tanah dan Ukur, Pendaftar Hakmilik atau Pendaftar yang bertanggungjawab bagi hakmilik tanah, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang disebut dalam subperaturan (7) hendaklah sebaik sahaja Notis Penyitaan disampaikan di bawah subperaturan (7), mengendorskan terma Notis Penyitaan itu pada dokumen hakmilik yang berkenaan dengan harta tak alih itu dalam Daftar di pejabatnya.

(9) Jika pengendorsan tentang Notis Penyitaan itu telah dibuat di bawah subperaturan (8), Notis Penyitaan itu hendaklah mempunyai kesan melarang segala urusan berkenaan dengan harta tak alih itu mulai tarikh yang dinyatakan dalam perintah sekatan itu, dan selepas pengendorsan itu dibuat tiada urusan berkenaan dengan harta tak alih itu boleh didaftarkan, tidak kira sama ada urusan itu disempurnakan sebelum atau selepas Notis itu dikeluarkan atau pengendorsan itu dibuat.

(10) Subperaturan (9) tidaklah terpakai bagi sesuatu urusan yang disempurnakan di bawah Peraturan-Peraturan ini oleh seseorang pegawai awam atas sifatnya sebagai pegawai sedemikian, atau selainnya oleh atau bagi pihak Kerajaan Malaysia atau Kerajaan sesuatu Negeri, atau suatu pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa berkanun yang lain.

(11) Seseorang yang melanggar subperaturan (8) atau (9) atau yang melakukan apa-apa perbuatan yang mengakibatkan, atau menyebabkan, pelanggaran subperaturan (8) or (9) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Pelepasan atau pengubahan perintah sekatan

26. (1) Sesuatu permohonan bagi pelepasan atau pengubahan suatu perintah sekatan boleh dibuat oleh Peguam Negara atau oleh mana-mana orang yang terjejas olehnya.

(2) Sesuatu permohonan untuk melepaskan atau mengubah suatu perintah sekatan di bawah subperaturan 25(3) atau untuk melepaskan suatu perintah sekatan di bawah subperaturan 25(4) hendaklah dibuat mengikut Borang 28 kepada Hakim dalam Kamar dan hendaklah disokong oleh—

(a) suatu pernyataan yang menyatakan nama dan perihalan pemohon dan alasan bagi memohon perintah pelepasan atau perintah pengubahan itu; dan

(b) affidavit yang menentusahkan fakta yang disandarkan.

(3) Apabila permohonan di bawah subperaturan (2) diterima, Hakim dalam Kamar hendaklah memeriksa permohonan itu dan, apabila berpuas hati—

(a) berhubung dengan suatu permohonan untuk melepaskan atau mengubah suatu perintah sekatan di bawah subperaturan 25(3)—

(i) bahawa orang yang terjejas oleh perintah itu berhak di sisi undang-undang kepada harta yang disekat itu atau mana-mana bahagian daripadanya;

(ii) bahawa tiada kesalahan berat asing telah dilakukan berkenaan dengan harta yang disekat itu atau mana-mana bahagian daripadanya; dan

(iii) bahawa harta yang disekat itu atau mana-mana bahagian daripadanya tidak, secara keseluruhan atau sebahagiannya, secara langsung atau tak langsung, diterbitkan atau diperoleh daripada atau melalui suatu kesalahan berat asing; dan

(b) berhubung dengan suatu permohonan untuk melepaskan suatu perintah sekatan di bawah subperaturan 25(4), bahawa prosiding kehakiman di Negara asing yang ditetapkan yang berhubungan dengannya perintah sekatan itu dikeluarkan telah diselesaikan dan tiada perintah pelucuthakan asing telah dibuat,

hendaklah mengeluarkan suatu perintah pelepasan atau perintah pengubahan, mengikut mana-mana yang berkenaan, terhadap harta yang dinyatakan dalam permohonan itu atau mana-mana bahagian harta itu mengikut Borang 29, tertakluk kepada apa-apa syarat dan sekatan yang dinyatakan dalam perintah itu.

(4) Pelepasan atau pengubahan sesuatu perintah sekatan hendaklah berkuat kuasa pada tarikh yang dinyatakan dalam perintah pelepasan atau perintah pengubahan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang tidak boleh merupakan suatu tarikh yang lebih awal daripada tarikh perintah pelepasan atau perintah pengubahan itu sendiri.

Pendaftaran perintah pelucuthakan asing

27. (1) Sesuatu permohonan bagi pendaftaran sesuatu perintah pelucuthakan asing di bawah seksyen 32 Akta hendaklah dibuat secara *ex parte* mengikut Borang 30 kepada Hakim dalam Kamar dan hendaklah disokong oleh—

- (a) suatu pernyataan yang menyatakan nama dan perihalan pihak berkuasa yang berkenaan Negara asing yang ditetapkan yang membuat permintaan untuk bantuan itu dan alasan bagi memohon pendaftaran itu;
- (b) afidavit yang menentusahkan fakta yang disandarkan; dan
- (c) suatu salinan dimeterai atau salinan disahkan perintah pelucuthakan asing itu.

(2) Jika seorang pegawai diberi kuasa memohon kepada Hakim dalam Kamar untuk pendaftaran suatu perintah pelucuthakan asing mengikut subperaturan (1) dan seksyen 32, 33 dan 34 Akta, Hakim dalam Kamar hendaklah mendaftarkan perintah pelucuthakan asing itu dan mengeluarkan suatu waran bagi menguatkuasaannya mengikut Borang 31.

(3) Sebelum mengeluarkan waran bagi menguatkuasaan sesuatu perintah pelucuthakan asing yang didaftarkan di bawah subperaturan (2), Hakim boleh menghendaki Peguam Negara memberikan apa-apa aku janji yang didapati patut oleh Hakim berkenaan dengan pembayaran ganti rugi atau kos, atau kedua-duanya, berhubung dengan pengeluaran waran bagi menguatkuasaan itu.

(4) Perakuan yang dikeluarkan oleh Bank bagi maksud subseksyen 32(6) Akta hendaklah mengikut Borang 24.

(5) Perakuan yang dikeluarkan oleh atau bagi pihak pihak berkuasa yang berkenaan Negara asing yang ditetapkan di bawah seksyen 34 Akta hendaklah mengikut Borang 25.

(6) Bagi maksud subseksyen 32(4) Akta, Peguam Negara boleh mengarahkan seorang pegawai diberi kuasa untuk memohon kepada Mahkamah Tinggi yang dalamnya perintah pelucuthakan asing itu didaftarkan mengikut peraturan ini untuk pembatalan pendaftaran itu.

(7) Jika seorang pegawai diberi kuasa memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk membatalkan sesuatu pendaftaran mengikut suatu arahan di bawah subperaturan (6), Mahkamah Tinggi hendaklah membatalkan pendaftaran itu dengan sewajarnya.

(8) Sesuatu permohonan untuk membatalkan pendaftaran suatu perintah pelucuthakan asing hendaklah mengikut Borang 32.

(9) Sesuatu perintah untuk membatalkan pendaftaran suatu perintah pelucuthakan asing hendaklah mengikut Borang 33.

Penguatkuasaan perintah pelucuthakan asing

28. (1) Apabila harta yang berhubungan dengan perintah pelucuthakan asing itu atau mana-mana bahagiannya didapatkan di bawah waran bagi penguatkuasaan yang dikeluarkan di bawah peraturan 27, pemunyaan harta itu atau, jika dijual, hasil bersihnya hendaklah berpindah kepada dan terletak hak pada Kerajaan Malaysia bebas daripada apa-apa hak, kepentingan atau bebanan mana-mana orang kecuali sesuatu hak, kepentingan atau bebanan yang dipegang oleh seorang pembeli suci hati bagi balasan berharga dan yang tidak selainnya tidak sah di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

(2) Jika apa-apa harta diletak hak pada Kerajaan Malaysia di bawah subperaturan (1), peletakhakan itu hendaklah berkuat kuasa tanpa apa-apa pemindahan, pemindahhakan, surat ikatan atau apa jua pun surat cara lain dan jika apa-apa pendaftaran mengenai peletakhakan sedemikian dikehendaki di bawah mana-mana undang-undang, pihak berkuasa yang diberi kuasa untuk melakukan pendaftaran itu hendaklah berbuat demikian atas nama mana-mana pegawai awam atau pihak berkuasa, orang atau badan yang ditentukan oleh Peguam Negara.

(3) Jika harta yang diletak hak pada Kerajaan Malaysia di bawah subperaturan (1) ialah harta tak alih, peletakhakan itu hendaklah didaftarkan atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan apabila waran bagi penguatkuasaan perintah pelucuthakan asing itu dikemukakan—

- (a) di Semenanjung Malaysia, kepada Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanah, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (b) di Sabah, kepada Pendaftar Hakmilik atau Pemungut Hasil Tanah, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan
- (c) di Sarawak, kepada Pendaftar Hakmilik atau Pengarah Tanah dan Ukur, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(4) Kerajaan Malaysia hendaklah mempunyai budi bicara mutlak mengenai pengurusan dan pelupusan apa-apa harta yang disita dan dilucut hak di bawah seksyen 32 Akta dan peraturan 27.

(5) Tertakluk kepada subperaturan (6), jumlah wang yang dipegang oleh Kerajaan Malaysia atau pengurus yang dilantik di bawah peraturan 29 hendaklah digunakan pertamanya untuk membayar perbelanjaan yang ditanggung oleh Peguam Negara dalam melaksanakan permintaan bagi bantuan di bawah seksyen 31 Akta itu dan kemudian saraan dan perbelanjaan pengurus, jika ada, dan selepas itu untuk membayar apa-apa pembayaran lain, jika ada, yang diarahkan oleh Menteri untuk dibayar daripada jumlah wang itu.

(6) Jika suatu amaun tertentu kena dibayar di bawah perintah pelucuthakan asing itu dan selepas amaun itu telah dibayar sepenuhnya, terdapat apa-apa baki jumlah wang dipegang oleh Kerajaan Malaysia atau pengurus, pengurus itu hendaklah mengagihkan jumlah wang itu—

- (a) antara orang yang memegang harta yang telah direalisasikan di bawah Akta dan Peraturan-Peraturan ini; dan
- (b) apa-apa bahagian,

sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri selepas memberi peluang yang munasabah bagi orang itu untuk membuat representasi kepada Menteri.

(7) Apa-apa baki jumlah wang selepas semua pembayaran yang dikehendaki dibuat di bawah subperaturan (5) dan (6) dibuat hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

Perlantikan pengurus

29. Bagi maksud peraturan 24 atau 27, Menteri hendaklah mengikut Borang 34—

- (a) melantik seseorang atau sesuatu badan untuk mengambil kawalan ke atas, dan menguruskan atau selainnya berurusan mengenai, segala atau sebahagian daripada harta itu mengikut arahan Menteri; dan
- (b) menghendaki mana-mana orang yang memiliki harta itu untuk memberikan pemilikan harta itu kepada orang atau badan yang dilantik di bawah perenggan (a).

Pemindahan boleh batal

30. Bagi maksud seksyen 31 Akta, Mahkamah Tinggi boleh mengetepikan mana-mana pemindahhakan atau pemindahmilikan harta yang berlaku selepas perintah pelucuthakan asing itu didaftarkan atau perintah sekatan itu disampaikan, melainkan jika pemindahhakan atau pemindahmilikan itu dibuat bagi balasan berharga kepada seseorang yang bertindak dengan suci hati.

Pelindungan kepentingan pihak ketiga yang *bona fide*

31. (1) Mana-mana pihak ketiga yang menuntut kepentingan mengenai apa-apa harta yang disekat atau dilucuthakkan di bawah Akta dan Peraturan-Peraturan ini boleh memohon kepada Mahkamah Tinggi bagi suatu perintah—

- (a) yang mengisytiharkan bahawa kepentingan pemohon mengenai harta itu atau sebahagian daripada harta itu telah diperolehi secara *bona fide*; dan
- (b) yang mengembalikan harta itu atau nilai kepentingan mengenai harta itu kepada pemohon.

(2) Sesuatu permohonan bagi suatu perintah di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat mengikut Borang 35 dan hendaklah disokong oleh—

- (a) suatu pernyataan yang menyatakan nama dan perihalan pemohon dan alasan bagi memohon perintah itu; dan
- (b) afidavit yang menentusahkan fakta yang disandarkan.

(3) Apabila permohonan di bawah subperaturan (2) diterima, Mahkamah Tinggi hendaklah memeriksa permohonan itu dan, apabila berpuas hati bahawa harta itu telah diperoleh secara *bona fide*, mengeluarkan suatu perintah mengikut Borang 36.

PENGGAL 5

PENGGELEDAHAN DAN PENYITAAN

Kebenaran bagi memohon waran geledah

32. Sesuatu arahan yang diberikan oleh Peguam Negara kepada seseorang pegawai diberi kuasa di bawah subseksyen 35(2) Akta untuk memohon kepada mahkamah untuk mendapatkan suatu waran di bawah seksyen 36 Akta hendaklah mengikut Borang 37.

PENGGAL 6

MENCARI ATAU MENGENAL PASTI ORANG

Kebenaran bagi mencari atau mengenal pasti orang

33. Sesuatu kebenaran yang diberikan oleh Peguam Negara di bawah subseksyen 39(2) Akta untuk memberikan bantuan dalam mencari, atau mengenal pasti dan mencari, seseorang yang dipercayai dengan munasabahnya berada di Malaysia hendaklah mengikut Borang 38.

PENGGAL 7

PENYAMPAIAN PROSES

Kebenaran bagi penyampaian proses

34. (1) Sesuatu kebenaran yang diberikan oleh Peguam Negara di bawah subseksyen 40(2) Akta untuk memberi bantuan dalam melaksanakan penyampaian proses kepada seseorang yang berada di Malaysia hendaklah mengikut Borang 39.

(2) Bagi maksud subseksyen 40(3) Akta, Peguam Negara boleh membuat perkiraan bagi proses itu disampaikan—

- (a) melalui pos berdaftar;
- (b) melalui penyampaian secara sendiri; atau
- (c) melalui apa-apa kaedah lain yang sesuai.

(3) Tanpa menjejaskan keluasan subperaturan (2), bagi maksud perenggan (2)(b) Peguam Negara boleh mengarahkan Ketua Polis Daerah bagi kawasan di mana orang itu didapati berada untuk menyebabkan supaya proses itu disampaikan secara sendiri kepadanya dengan menunjukkan kepada orang berkenaan proses asal dan dengan mengemukakan atau menyampaikan kepadanya sesalinan proses itu.

(4) Tiap-tiap orang yang kepadanya suatu proses disampaikan hendaklah, jika dikehendaki sedemikian oleh pegawai penyampai, menandatangani suatu resit bagi salinan proses itu di bahagian belakang proses asal.

(5) Dalam hal suatu perbadanan, proses itu boleh disampaikan kepada setiausaha atau pegawai seumpamanya yang lain perbadanan itu.

(6) Jika orang yang kepadanya proses itu hendak disampaikan tidak dapat dijumpai melalui usaha yang sewajarnya, proses itu boleh disampaikan dengan meninggalkan sesalinan proses itu untuknya dengan seorang anggota dewasa keluarganya atau dengan pekerjaanya yang tinggal bersamanya.

(7) Jika orang yang kepadanya proses itu hendak disampaikan tidak dapat dijumpai melalui usaha yang sewajarnya dan penyampaian tidak dapat dilaksanakan sebagaimana yang dinyatakan dalam subperaturan (6), pegawai penyampai hendaklah melekatkan sesalinan proses itu pada bahagian mudah dilihat di rumah atau tempat di mana orang yang kepadanya proses itu hendak disampaikan biasanya tinggal, dan dalam hal sedemikian, proses itu hendaklah disifatkan telah disampaikan dengan sewajarnya.

(8) Pegawai penyampai hendaklah setelah proses itu disampaikan dengan segera memberitahu Peguam Negara bila dan bagaimana proses itu disampaikan dan, jika boleh, mengemukakan kepada Peguam Negara suatu resit yang ditandatangani oleh orang yang kepadanya proses itu disampaikan; dan jika pegawai penyampai itu tidak dapat menyebabkan supaya proses itu disampaikan, dia hendaklah dengan segera memberitahu Peguam Negara mengenai fakta itu dan sebabnya.

(9) Bagi maksud subseksyen 40(4) Akta, suatu afidavit seseorang yang telah menyampaikan proses di Malaysia bagi maksud Akta hendaklah mengikut Borang 40.

BAHAGIAN IV

AM

Daftar

35. (1) Peguam Negara hendaklah menyimpan dan menyenggarakan suatu Daftar dalam apa-apa bentuk yang didapatinya patut.

(2) Daftar itu hendaklah mengandungi maklumat yang berkenaan dengan permintaan bagi bantuan di bawah Akta termasuklah mengenai perkara-perkara yang berikut:

- (a) permintaan yang dibuat oleh Malaysia kepada sesuatu Negara asing di bawah Akta;
- (b) hasil permintaan yang dibuat oleh Malaysia kepada sesuatu Negara asing di bawah Akta;
- (c) butir-butir mengenai benda yang disita menurut permintaan yang dibuat oleh Malaysia kepada sesuatu Negara asing di bawah Akta dan pemulangan benda itu kepada pihak berkuasa yang berkenaan Negara asing itu, jika berkenaan;
- (d) butir-butir mengenai banduan dan orang di bawah tahanan yang dibawa ke Malaysia menurut permintaan yang dibuat oleh Malaysia kepada sesuatu Negara asing di bawah Akta;
- (e) butir-butir mengenai aset yang dikesan, disekat dan didapatkan menurut permintaan yang dibuat oleh Malaysia kepada sesuatu Negara asing untuk menguatkuasakan suatu perintah pelucuthakan di bawah Akta;
- (f) butir-butir mengenai orang yang dikesan menurut permintaan yang dibuat oleh Malaysia kepada sesuatu Negara asing di bawah Akta;
- (g) butir-butir mengenai proses yang disampaikan di sesuatu Negara asing menurut permintaan yang dibuat oleh Malaysia kepada sesuatu Negara asing di bawah Akta;
- (h) permintaan yang diterima oleh Malaysia daripada sesuatu Negara asing yang ditetapkan di bawah Akta;
- (i) hasil permintaan yang diterima oleh Malaysia daripada sesuatu Negara asing yang ditetapkan di bawah Akta;
- (j) butir-butir mengenai benda yang disita menurut permintaan yang diterima oleh Malaysia daripada sesuatu Negara asing yang ditetapkan di bawah Akta, pemulangan benda itu kepada pihak berkuasa yang berkenaan Malaysia, jika berkenaan, dan pemulangan benda itu kepada tuan punya yang sah, jika berkenaan;
- (k) butir-butir mengenai orang yang telah pergi dan banduan dan orang di bawah tahanan yang telah dibawa ke suatu Negara asing yang ditetapkan menurut permintaan yang diterima oleh Malaysia daripada suatu Negara asing yang ditetapkan di bawah Akta;
- (l) butir-butir mengenai aset yang dikesan, disekat dan didapatkan menurut permintaan yang diterima oleh Malaysia daripada sesuatu Negara asing yang ditetapkan di bawah Akta dan pelupusannya;
- (m) butir-butir mengenai orang yang dikesan menurut permintaan yang diterima oleh Malaysia daripada sesuatu Negara asing yang ditetapkan di bawah Akta;

- (n) butir-butir mengenai proses yang disampaikan di Malaysia menurut permintaan yang diterima oleh Malaysia daripada sesuatu Negara asing yang ditetapkan di bawah Akta; dan
- (o) apa-apa maklumat lain yang didapati patut oleh Peguam Negara.

Afidavit

36. (1) Afidavit yang dikehendaki di bawah Akta dan Peraturan-Peraturan ini boleh diangkat sumpah atau diikrarkan atau, jika pilihan itu tidak ada, afidavit itu boleh dibuat di bawah apa-apa amaran atau teguran yang boleh diterima oleh mahkamah Negara asing itu bagi maksud memberikan keterangan di hadapan mahkamah itu.

(2) Afidavit itu mestilah dinyatakan mengikut kata diri pertama dan mestilah menyatakan tempat tinggal deponen dan pekerjaannya atau, jika dia tidak mempunyai pekerjaan, perihalnya, dan jika dia menjadi, atau diambil kerja oleh, suatu pihak dalam perkara yang mengenainya afidavit itu dibuat, afidavit itu mestilah menyatakan fakta tersebut.

(3) Afidavit itu mestilah dibahagikan kepada perenggan-perenggan yang dinomborkan secara berturutan, dengan setiap perenggan, setakat yang boleh, dikhususkan kepada bahagian yang berlainan bagi perkara itu.

(4) Tarikh, jumlah-jumlah dan nombor-nombor lain mestilah dinyatakan dengan menggunakan angka dan bukannya perkataan.

(5) Afidavit itu mestilah ditandatangani oleh deponen dan jurat mestilah dilengkapkan dan ditandatangani oleh orang yang di hadapannya afidavit itu dibuat.

(6) Afidavit itu mestilah dibuat di hadapan seorang hakim, majistret atau pegawai kehakiman lain Negara asing itu atau di hadapan mana-mana pegawai lain dalam atau bagi Negara asing itu yang mempunyai kuasa di bawah undang-undang Negara asing itu untuk mengendalikan apa-apa sumpah, ikrar, amaran atau teguran, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(7) Jika afidavit itu melebihi satu muka surat, setiap muka surat selain muka surat terakhir hendaklah diparapi oleh kedua-dua deponen dan orang yang di hadapannya afidavit itu dibuat.

(8) Apa-apa dokumen yang hendak digunakan berhubungan dengan sesuatu afidavit mestilah diekshibitkan dan suatu salinannya dilampirkan pada afidavit itu.

(9) Setiap ekshibit bagi sesuatu afidavit mestilah dikenal pasti melalui perakuan orang yang di hadapannya afidavit itu dibuat.

(10) Sesuatu afidavit yang dibuat mengikut peraturan ini hendaklah boleh diterima sebagai keterangan.

JADUAL PERTAMA

[Peraturan 3]

BORANG

BORANG 1

[Perenggan 6(a)]

AKTA BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH 2002

AFIDAVIT

Saya, (*nama, alamat rumah dan perihalan deponen*) (Nombor Kad Pengenalan/ Pasport:.....), seorang warganegara§ yang cukup umur dengan alamat untuk penyampaian di sesungguhnya *bersumpah/*berikrar dan menyatakan seperti yang berikut:

- 1. Saya seorang (*pekerjaan atau perihalan*) di (*nama *pejabat/*agensi*) di§, suatu Negara asing, dan saya diberi kuasa dengan sewajarnya untuk *mengangkat sumpah/*mengikrarkan afidavit ini bagi pihak (*nama *pejabat/*agensi*).
- 2. Kecuali sebagaimana yang dinyatakan sebaliknya dengan nyata, *fakta yang didepos dalam afidavit ini adalah benar setakat pengetahuan saya/ *rekod (*nama *pejabat/*agensi*) ialah rekod yang kepadanya saya mempunyai akses penuh.
- 3. (*Pernyataan tentang fakta yang berkaitan*)

*Diangkat sumpah/
*diikrarkan oleh

.....
(*deponen*)

pada
(*tarikh*)

di
(*tempat*)

}

.....
(*Tandatangan deponen*)

Di hadapan saya

.....
(*Tandatangan hakim, majistret atau pegawai lain yang di hadapannya afidavit dibuat*)

.....
(*Nama dan jawatan hakim, majistret atau pegawai lain*)

***PERAKUAN EKSHIBIT**

Saya memperakui bahawa yang berikut adalah ekshibit yang bertanda “.....” yang disebut dalam Afidavit yang *diangkat sumpah/ *diikrarkan di hadapan saya pada

Di hadapan saya

.....
(Tandatangan hakim, majistret atau pegawai lain yang
di hadapannya afidavit dibuat)

.....
(Nama dan jawatan hakim, majistret atau pegawai lain)

* Potong jika tidak berkenaan atau gantikan jika afidavit tidak diangkat sumpah atau diikrarkan.

§ Masukkan nama Negara asing.

Catatan

1. Afidavit boleh diangkat sumpah atau diikrarkan. Sekiranya pilihan itu tidak ada, afidavit boleh dibuat di bawah apa-apa amaran atau teguran yang boleh diterima oleh mahkamah Negara asing itu bagi maksud memberikan keterangan di hadapan mahkamah itu.
2. Afidavit mestilah dinyatakan mengikut kata diri pertama dan mestilah menyatakan tempat tinggal deponen dan pekerjaannya atau, jika dia tidak mempunyai pekerjaan, perihalnya, dan jika dia menjadi, atau diambil kerja oleh, suatu pihak dalam perkara yang mengenainya afidavit itu dibuat, afidavit itu mestilah menyatakan fakta tersebut.
3. Afidavit mestilah dibahagikan kepada perenggan-perenggan yang dinomborkan secara berturutan, dengan setiap perenggan, setakat yang boleh, dikhususkan kepada bahagian yang berlainan bagi perkara itu.
4. Tarikh, jumlah-jumlah dan nombor-nombor lain mestilah dinyatakan dengan menggunakan angka dan bukannya perkataan.
5. Afidavit mestilah ditandatangani oleh deponen dan jurat mestilah dilengkapkan dan ditandatangani oleh orang yang di hadapannya afidavit itu dibuat.
6. Afidavit mestilah dibuat di hadapan seorang hakim, majistret atau pegawai kehakiman lain Negara asing itu atau di hadapan mana-mana pegawai lain dalam atau bagi Negara asing itu yang mempunyai kuasa di bawah undang-undang Negara asing itu untuk mengendalikan apa-apa sumpah, ikrar, amaran atau teguran, mengikut mana-mana yang berkenaan.
7. Jika afidavit melebihi satu muka surat, setiap muka surat selain muka surat terakhir hendaklah diparapi oleh kedua-dua deponen dan orang yang di hadapannya afidavit itu dibuat.
8. Apa-apa dokumen yang hendak digunakan berhubungan dengan sesuatu afidavit mestilah diekshibitkan dan suatu salinannya dilampirkan pada afidavit itu.
9. Setiap ekshibit bagi sesuatu afidavit mestilah dikenal pasti melalui perakuan orang yang di hadapannya afidavit itu dibuat.

BORANG 2

[Perenggan 6(b)]

AKTA BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH 2002

PENGAKUSAKSIAN KESAHAN REKOD YANG DIPEROLEH

Saya, (*nama, alamat rumah dan perihalan deponen*) (Nombor Kad Pengenalan/ Pasport:.....), seorang warganegara§ yang cukup umur dengan alamat untuk penyampaian di sesungguhnya *bersumpah/*berikrar dan menyatakan seperti berikut:

- 1. Saya seorang (*pekerjaan atau perihalan*) di (*nama *pejabat/ *agensi*) di§, suatu Negara asing, dan saya diberi kuasa dengan sewajarnya untuk *mengangkat sumpah/ *mengikrarkan afidavit ini bagi pihak (*nama *pejabat/*agensi*).
- 2. Kecuali sebagaimana yang dinyatakan sebaliknya dengan nyata, *fakta yang didepos dalam afidavit ini adalah benar setakat pengetahuan saya/ *rekod (*nama *pejabat/*agensi*) ialah rekod yang kepadanya saya mempunyai akses penuh.
- 3. Saya, antara lain, bertanggungjawab untuk *menyimpan/ *menyenggarakan/ *memegang rekod yang berhubung dengan¥
- 4. Dalam perjalanan tugas biasa saya, saya mempunyai akses kepada rekod yang disimpan oleh (*nama *pejabat/*agensi*) berhubung dengan¥
- 5. Dokumen yang dilampirkan pada afidavit ini yang bertanda “.....” dan yang telah saya parapi adalah salinan benar dan tepat rekod rasmi asal yang *disimpan/ *disenggarakan/ *dipegang oleh (*nama *pejabat/*agensi*) dalam perjalanan biasa operasinya berhubung dengan (*perihalan tugas rasmi yang berkaitan*).
- 6. Dokumen yang disebut dalam perenggan 5 telah dibuat dalam perjalanan biasa *urusan/ *operasi (*nama *pejabat/*agensi*) oleh orang yang mempunyai pengetahuan sendiri mengenai perkara yang berkaitan atau berdasarkan maklumat yang diberikan oleh orang yang mempunyai pengetahuan sendiri mengenai perkara itu.

*Diangkat sumpah/
*diikrarkan oleh

.....
(*deponen*)

pada
(*tarikh*)

di
(*tempat*)

}

.....
(*Tandatangan deponen*)

Di hadapan saya

.....
(*Tandatangan hakim, majistret atau pegawai lain yang di hadapannya pengakusaksian dibuat*)

.....
(*Nama dan jawatan hakim, majistret atau pegawai lain*)

***PERAKUAN EKSHIBIT**

Saya memperakui bahawa yang berikut adalah ekshibit yang bertanda “.....” yang disebut dalam Pengakusaksian yang *diangkat sumpah/ *diikrarkan di hadapan saya pada

Di hadapan saya

.....
(Tandatangan hakim, majistret atau pegawai lain yang
di hadapannya pengakusaksian dibuat)

.....
(Nama dan jawatan hakim, majistret atau pegawai lain)

* Potong jika tidak berkenaan atau gantikan jika pengakusaksian tidak diangkat sumpah atau diikrarkan.

§ Masukkan nama Negara asing.

¥ Masukkan nama atau perihalan ringkas rekod yang berkaitan dengan permintaan itu.

Catatan

1. Pengakusaksian boleh diangkat sumpah atau diikrarkan. Sekiranya pilihan itu tidak ada, pengakusaksian boleh dibuat di bawah apa-apa amaran atau teguran yang boleh diterima oleh mahkamah Negara asing itu bagi maksud memberikan keterangan di hadapan mahkamah itu.
2. Pengakusaksian mestilah dinyatakan mengikut kata diri pertama dan mestilah menyatakan tempat tinggal deponen dan pekerjaannya atau, jika dia tidak mempunyai pekerjaan, perihalnya, dan jika dia menjadi atau diambil kerja oleh, suatu pihak dalam perkara yang mengenainya pengakusaksian itu dibuat, pengakusaksian itu mestilah menyatakan fakta tersebut.
3. Pengakusaksian mestilah dibahagikan kepada perenggan-perenggan yang dinomborkan secara berturutan, dengan setiap perenggan, setakat yang boleh, dikhususkan kepada bahagian yang berlainan bagi perkara itu.
4. Tarikh, jumlah-jumlah dan nombor-nombor lain mestilah dinyatakan dengan menggunakan angka dan bukannya perkataan.
5. Pengakusaksian mestilah ditandatangani oleh deponen dan jurat mestilah dilengkapi dan ditandatangani oleh orang yang di hadapannya pengakusaksian itu dibuat.
6. Pengakusaksian mestilah dibuat di hadapan seorang hakim, majistret atau pegawai kehakiman lain Negara asing itu atau di hadapan mana-mana pegawai lain dalam atau bagi Negara asing itu yang mempunyai kuasa di bawah undang-undang Negara asing itu untuk mengendalikan sesuatu sumpah, ikrar, amaran atau teguran, mengikut mana-mana yang berkenaan.
7. Jika pengakusaksian melebihi satu muka surat, setiap muka surat selain muka surat terakhir hendaklah diparapi oleh kedua-dua deponen dan orang yang di hadapannya pengakusaksian itu dibuat.
8. Apa-apa dokumen yang hendak digunakan berhubungan dengan sesuatu pengakusaksian mestilah diekshibitkan dan suatu salinannya dilampirkan pada pengakusaksian itu.
9. Setiap ekshibit bagi sesuatu pengakusaksian mestilah dikenal pasti melalui perakuan orang yang di hadapannya pengakusaksian itu dibuat.

BORANG 3

[Subperaturan 7(1)]

AKTA BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH 2002

WARAN BAGI JAGAAN *BANDUAN/*ORANG DI BAWAH TAHANAN

Kepada:

BAHAWASANYA:

- (a) *prosiding jenayah/*suatu penyiasatan yang berhubungan dengan suatu perkara jenayah yang melibatkan kesalahan berat (*perihal kesalahan*) telah dimulakan di Malaysia;
- (b) terdapat alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa (*nama orang*), seorang *banduan/ *orang di bawah tahanan di (*tempat pemenjaraan atau tahanan*) di§, suatu Negara asing, dapat memberikan keterangan atau bantuan yang berkaitan dengan perkara jenayah itu;
- (c) menurut suatu permintaan bagi bantuan di bawah seksyen 9 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002, (*pihak berkuasa yang berkenaan Negara asing*) telah bersetuju membuat perkiraan bagi pemindahan (*nama orang*) ke Malaysia bagi maksud memberikan keterangan atau bantuan dalam perkara jenayah itu; dan
- (d) (*nama orang*) telah dengan rela hati bersetuju untuk datang ke Malaysia dan hadir sebagaimana yang diminta bagi maksud memberikan keterangan atau bantuan dalam perkara jenayah itu;

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada saya oleh seksyen 9 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002, saya,, Peguam Negara Malaysia, mengarahkan anda,, untuk menerima (*nama orang*) ke dalam jagaan anda di§ dan untuk membawanya dalam jagaan ke Malaysia dan di sana menempatkannya dengan selamat dalam jagaan (*nama orang/pihak berkuasa*) untuk diuruskan seterusnya mengikut peruntukan Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 dan (*undang-undang terpakai yang berkaitan*) sehingga dia diserahkan ke dalam jagaan (*nama orang/pihak berkuasa*) yang pada pendapat saya telah dilantik dengan sewajarnya oleh pihak berkuasa yang berkenaan§ untuk menerimanya, dan bagi maksud itu inilah waran anda.

.....
(Tarikh)

.....
Peguam Negara
Malaysia

* Potong jika tidak berkenaan.

§ Masukkan nama Negara asing.

BORANG 4

[Perenggan 7(2)(b)]

AKTA BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH 2002

WARAN BAGI MENGEMBALIKAN *BANDUAN/*ORANG DI BAWAH TAHANAN

Kepada:

BAHAWASANYA:

- (a) (nama orang), seorang *banduan/ *orang di bawah tahanan di
 (tempat pemenjaraan atau tahanan) di§, suatu Negara asing, telah dipindahkan ke Malaysia untuk memberikan keterangan atau bantuan yang berhubungan dengan *prosiding jenayah/*suatu penyiasatan yang berkaitan dengan suatu perkara jenayah yang melibatkan kesalahan berat (perihal kesalahan) yang telah dimulakan di Malaysia menurut suatu permintaan bagi bantuan di bawah seksyen 9 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 bertarikh;
- (b) (nama orang) telah dibawa dalam jagaan ke Malaysia pada
 (tarikh) dan ditempatkan dengan selamat dalam jagaan (nama orang/pihak berkuasa) dari (tarikh);
- (c) *prosiding jenayah /*penyiasatan yang berhubungan dengan perkara jenayah itu telah selesai/ *kehadiran lanjut (nama orang) di Malaysia tidak lagi dikehendaki oleh *pihak berkuasa yang berkenaan/*mahkamah di Malaysia dari; dan
- (d) di bawah aku janji yang diberikan kepada (pihak berkuasa yang berkenaan Negara asing) (nama orang) hendaklah kini dikembalikan ke§ pada (tarikh, masa dan tempat):

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada saya oleh seksyen 9 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002, saya,, Peguam Negara Malaysia, mengarahkan anda,, untuk membawa (nama orang) dalam jagaan ke.....§ dan di sana menyerahkannya ke dalam jagaan (nama orang/pihak berkuasa) yang pada pendapat saya telah dilantik dengan sewajarnya oleh pihak berkuasa yang berkenaan§ untuk menerimanya, dan bagi maksud itu inilah waran anda.

.....
(Tarikh)

.....
 Peguam Negara
 Malaysia

* Potong jika tidak berkenaan.

§ Masukkan nama Negara asing.

BORANG 5

[Peraturan 8]

AKTA BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH 2002

PERAKUAN PEGUAM NEGARA DI BAWAH SUBPERENGGAN 11(2)(B)(II)
AKTA BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH 2002

Kepada:

PADA menjalankan kuasa yang diberikan kepada saya oleh subperenggan 11(2)(b)(ii) Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002, saya,, Peguam Negara Malaysia memperakui seperti yang berikut:

- (a) bahawa *prosiding jenayah/*suatu penyiasatan yang berhubungan dengan suatu perkara jenayah yang melibatkan kesalahan berat (*perihalhan kesalahan*) telah dimulakan di Malaysia;
- (b) bahawa adalah wajar bagi (*nama orang dan alamat rumahnya*), seorang di§, suatu Negara asing, hadir di Malaysia bagi maksud memberikan *keterangan/*bantuan dalam *prosiding jenayah/*penyiasatan itu; dan
- (c) bahawa (*nama orang*) telah dengan rela hati bersetuju untuk *datang ke/*hadir di Malaysia bagi maksud memberikan *keterangan/*bantuan itu dalam *prosiding jenayah/*penyiasatan itu.

.....
(*Tarikh*)

.....
Peguam Negara
Malaysia

* Potong jika tidak berkenaan.

§ Masukkan nama Negara asing.

BORANG 6

[Subperaturan 9(1)]

AKTA BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH 2002

PERAKUAN MENGENAI DAPATAN HARTA

PADA menjalankan kuasa yang diberikan kepada saya oleh (*peruntukan berkaitan undang-undang Negara asing yang terpakai*) saya, (*nama*), (*jawatan dengan pihak berkuasa yang berkenaan Negara asing*) memperakui bahawa harta yang berikut telah didapatkan oleh (*nama pihak berkuasa yang berkenaan Negara asing*) di§

menurut suatu permintaan oleh Malaysia di bawah subseksyen 13(1) Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002:

.....
(perihal harta yang didapatkan, tarikh didapatkan dan nilai* harta)

.....
(Tarikh)

.....
(Tandatangan)

.....
(Perihal)

§ Masukkan nama Negara asing.

* Nyatakan nilai harta pada tarikh harta itu didapatkan dalam mata wang Negara asing dengan nilai yang setara dalam ringgit Malaysia. Kadar pertukaran semasa pada tarikh dapatan hendaklah terpakai.

BORANG 7

[Subperaturan 10(2)]

AKTA BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH 2002

AFIDAVIT PENYAMPAIAN

Saya, (nama, alamat rumah dan perihalan deponen) (Nombor Kad Pengenalan/ Pasport:.....), seorang warganegara§ yang cukup umur dengan alamat untuk penyampaian di sesungguhnya *bersumpah/*berikrar dan menyatakan seperti yang berikut:

1. Saya seorang (pekerjaan atau perihalan) di (nama *pejabat/*agensi) di§, suatu Negara asing, dan saya diberi kuasa dengan sewajarnya untuk *mengangkat sumpah/ *mengikrarkan afidavit ini bagi pihak (nama *pejabat/*agensi).
2. Kecuali sebagaimana yang dinyatakan sebaliknya dengan nyata, fakta yang didepos dalam afidavit ini adalah benar setakat pengetahuan saya.
3. Bahawa saya telah pada (tarikh) pada *pagi/ *petang (masa) di (tempat) menyampaikan dokumen yang berikut bertarih kepada (nama dan perihalan orang yang kepadanya dokumen disampaikan), iaitu:

.....
(kenal pasti dan perihalkan dokumen)

4. Penyampaian telah dibuat:

* dengan mengesposkan dokumen itu melalui pos berdaftar kepada (nama) di (alamat penuh);

* dengan menyerahkan secara sendiri dokumen itu kepada (nama) di (alamat penuh);

* dengan meninggalkan dokumen itu dengan (nama dan perihalan) di
(alamat penuh);

* dengan melekatkan sesalinan dokumen itu di (alamat penuh).

5. (Hendaklah disempurnakan dalam hal penyampaian secara sendiri). Bahawa
(nama dan perihalan orang yang kepadanya dokumen disampaikan) *saya kenali/ *dikenal pasti
kepada saya oleh/ *mengaku kepada saya bahawa dia ialah (nama dan
perihalan orang yang kepadanya dokumen hendak disampaikan).

6. Bahawa saya telah pada (tarikh) mengindorskan pada (perihalan
dokumen) itu hari dan tarikh penyampaian itu.

7. Salinan benar dokumen yang disampaikan dilampirkan bersama-sama ini dan bertanda
“.....”.

*Diangkat sumpah/
*diikrarkan oleh

.....
(deponen)

pada
(tarikh)

di
(tempat)

.....
(Tandatangan deponen)

Di hadapan saya

.....
(Tandatangan hakim, majistret atau pegawai lain yang
di hadapannya affidavit dibuat)

.....
(Nama dan jawatan hakim, majistret atau pegawai lain)

*PERAKUAN EKSHIBIT

Saya memperakui bahawa yang berikut adalah ekshibit yang bertanda “.....” yang disebut dalam
Afidavit yang *diangkat sumpah/ *diikrarkan di hadapan saya pada

Di hadapan saya

.....
(Tandatangan hakim, majistret atau pegawai lain yang
di hadapannya affidavit dibuat)

.....
(Nama dan jawatan hakim, majistret atau pegawai lain)

* Potong jika tidak berkenaan atau gantikan jika affidavit tidak diangkat sumpah atau diikrarkan.

§ Masukkan nama Negara asing.

Catatan

1. Afidavit boleh diangkat sumpah atau diikrarkan. Sekiranya pilihan itu tidak ada, affidavit boleh dibuat di bawah apa-apa amaran atau teguran yang boleh diterima oleh mahkamah Negara asing itu bagi maksud memberikan keterangan di hadapan mahkamah itu.
2. Affidavit mestilah dinyatakan mengikut kata diri pertama dan mestilah menyatakan tempat tinggal deponen dan pekerjaannya atau, jika dia tidak mempunyai pekerjaan, perihalnya, dan jika dia menjadi, atau diambil kerja oleh, suatu pihak dalam perkara yang mengenainya affidavit itu dibuat, affidavit itu mestilah menyatakan fakta tersebut.
3. Affidavit mestilah dibahagikan kepada perenggan-perenggan yang dinomborkan secara berturutan, dengan setiap perenggan, setakat yang boleh, dikhususkan kepada bahagian yang berlainan bagi perkara itu.
4. Tarikh, jumlah-jumlah dan nombor-nombor lain mestilah dinyatakan dengan menggunakan angka dan bukannya perkataan.
5. Affidavit mestilah ditandatangani oleh deponen dan jurat mestilah dilengkapkan dan ditandatangani oleh orang yang di hadapannya affidavit itu dibuat.
6. Affidavit mestilah dibuat di hadapan seorang hakim, majistret atau pegawai kehakiman lain Negara asing itu atau di hadapan mana-mana pegawai lain dalam atau bagi Negara asing itu yang mempunyai kuasa di bawah undang-undang Negara asing itu untuk mengendalikan apa-apa sumpah, ikrar, amaran atau teguran, mengikut mana-mana yang berkenaan.
7. Jika affidavit melebihi satu muka surat, setiap muka surat selain muka surat terakhir hendaklah diparapi oleh kedua-dua deponen dan orang yang di hadapannya affidavit itu dibuat.
8. Apa-apa dokumen yang hendak digunakan berhubungan dengan sesuatu affidavit mestilah diekshibitkan dan suatu salinannya dilampirkan pada affidavit itu.
9. Setiap ekshibit bagi sesuatu affidavit mestilah dikenal pasti melalui perakuan orang yang di hadapannya affidavit itu dibuat.

BORANG 8

[Peraturan 12]

AKTA BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH 2002**ARAHAN KHAS MENTERI****BAHAWASANYA:**

- (a) *prosiding jenayah/*suatu penyiasatan yang berhubungan dengan suatu perkara jenayah yang melibatkan kesalahan berat asing (*perihalan kesalahan*) telah dimulakan di§, suatu Negara asing;
- (b) (*pihak berkuasa yang berkenaan Negara asing*) telah membuat suatu permintaan bagi bantuan bersama berhubung dengan perkara jenayah itu di bawah Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002;
- (c) tiada perintah di bawah seksyen 17 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 telah dibuat berhubung dengan§; dan
- (d) Peguam Negara telah mengesyorkan bahawa bantuan bersama diberikan kepada§ berhubung dengan perkara jenayah itu di bawah Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002;

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada saya oleh seksyen 18 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002, saya,, Menteri yang bertanggungjawab bagi hal ehwal undang-undang di Malaysia, dengan ini mengarahkan supaya peruntukan Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 terpakai berhubung dengan permintaan bagi bantuan bersama berhubung dengan perkara jenayah itu seolah-olah suatu perintah yang dibuat di bawah seksyen 17 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 berkuat kuasa berkenaan dengan.....§ tertakluk kepada *sekatan/ *had/ *kecualian/ *ubah suaian/ *penyesuaian/ *syarat/ *batasan yang berikut:

.....
(Nyatakan *sekatan/ *had/ *kecualian/ *ubah suaian/ *penyesuaian/ *syarat/ *batasan yang terpakai, jika ada)

.....
(Tarikh)

.....
Menteri

* Potong jika tidak berkenaan.

§ Masukkan nama Negara asing.

BORANG 9

[Subperaturan 13(1)]

AKTA BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH 2002

KEBENARAN PEGUAM NEGARA SUPAYA KETERANGAN DIAMBIL

Kepada Hakim Mahkamah Sesyen di

BAHAWASANYA:

- (a) suatu permintaan telah dibuat oleh (pihak berkuasa yang berkenaan Negara asing yang ditetapkan) supaya keterangan diambil di Malaysia bagi maksud *prosiding jenayah/*suatu penyasatan yang berhubung dengan suatu perkara jenayah yang melibatkan kesalahan berat asing (perihal kesalahan) di§;
- (b) terdapat alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa (nama atau perihalan orang), seseorang yang tahu atau mempunyai keterangan material yang berkaitan dengan *prosiding jenayah/*penyasatan itu, berada di Malaysia; dan
- (c) (pihak berkuasa yang berkenaan Negara asing yang ditetapkan) telah meminta saya membuat aturan bagi keterangan orang itu, yakni¥, diambil:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada saya oleh subseksyen 22(1) Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002, saya,, Peguam Negara Malaysia, membenarkan anda untuk mengambil keterangan yang diminta mengikut seksyen 22 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 untuk dihantar ke§ untuk digunakan dalam *prosiding jenayah/* penyasatan yang berhubung dengan suatu perkara jenayah yang melibatkan kesalahan berat asing (perihal kesalahan).

.....
(Tarikh)

.....
Peguam Negara
Malaysia

* Potong jika tidak berkenaan.

§ Masukkan nama Negara asing yang ditetapkan.

¥ Masukkan nama atau perihalan ringkas keterangan material yang berkaitan dengan permintaan Negara asing yang ditetapkan itu.

BORANG 10

[Subperaturan 13(2)]

AKTA BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH 2002

PERAKUAN HAKIM MAHKAMAH SESYEN DI BAWAH PERENGKAN 22(2)(B) AKTA BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH 2002

[Catatan:

Perakuan ini hendaklah disertakan di hujung rekod keterangan yang diambil di bawah seksyen 22 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002.]

Saya, (nama), seorang Hakim Mahkamah Sesyen di memperakui seperti yang berikut:

- (a) keterangan yang direkodkan di atas telah diambil oleh saya dan adalah rekod yang benar dan tepat mengenai keterangan *diangkat sumpah/ *diikrarkan oleh..... (nama saksi) yang hadir di hadapan saya;
- (b) *orang yang berkaitan dengan *prosiding jenayah/*penyiasatan di Negara asing yang ditetapkan itu/* wakilnya di sisi undang-undang *hadir/ *tidak hadir dalam prosiding itu;
- (c) orang yang berikut hadir dalam prosiding itu:
.....;
(nama dan perihalan orang)
- (d) *..... (nama saksi), yang merupakan orang yang dipanggil untuk memberikan keterangan material yang diminta, telah menuntut *kekebalan/*ketidakupayaan/*keistimewaan di bawah (nyatakan undang-undang yang berkaitan Negara asing yang ditetapkan);
- (e) *suatu perakuan kekebalan undang-undang asing yang dikeluarkan di bawah (nyatakan undang-undang yang berkaitan Negara asing yang ditetapkan) yang dikemukakan oleh (nama) berhubung dengan perkara yang berikut telah diterima sebagai keterangan *prima facie* tentang perkara yang dinyatakan dalam perakuan itu:
.....;
(perihalan keterangan yang berkaitan dengan perakuan kekebalan undang-undang asing)
- (f) *tuntutan *kekebalan/*ketidakupayaan/*keistimewaan di bawah (nyatakan undang-undang yang berkaitan Negara asing yang ditetapkan) telah dicatatkan dengan sewajarnya dan keterangan (nama saksi) telah *diambil tertakluk kepada tuntutan itu/ *tidak diambil;
- (g) *(perkara berkaitan yang lain)

.....
(Tarikh)

.....
(Tandatangan)

.....
(Perihalan)

BORANG 11

[Peraturan 14]

AKTA BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH 2002

PERMINTAAN BAGI SAMAN

Atas permohonan

Tarikh pendengaran pada..... haribulan.....di
*pagi/ *petang di Mahkamah Sesyen.

Nama penuh saksi.

Tempat tinggal atau tempat perniagaannya.

Pekerjaannya.

Sekiranya *bahan/ *barang dikehendaki dikemukakan, nyatakan *bahan/ *barang itu.

.....
(Perihal *bahan/ *barang yang diminta)Sekiranya saksi tidak dikehendaki memberikan keterangan tetapi hanya dikehendaki mengemukakan
*bahan/ *barang, nyatakan dengan sewajarnya.....Alasan bagi menyokong permintaan ini adalah seperti yang terdapat dalam Pernyataan yang difailkan
bersama-sama dengan permintaan ini.Afidavit.....yang *diangkat sumpah/ *diikrarkan pada.....
haribulandan yang difailkan dalam permintaan ini hendaklah dibaca bagi
menyokong permintaan ini......
(Tarikh).....
(Tandatangan).....
(Perihal)

* Potong jika tidak berkenaan.

BORANG 12

[Subperaturan 16(1)]

AKTA BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH 2002

PEMBERIKUASAAN UNTUK MEMOHON BAGI PERINTAH PENGEMUKAAN

Kepada daripada, seorang pegawai
diberi kuasa mengikut pengertian Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002.

BAHAWASANYA:

- (a) suatu permintaan telah dibuat oleh (pihak berkuasa yang berkenaan Negara asing yang ditetapkan) dari\$, suatu Negara asing, di bawah seksyen 23 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 supaya.....¥ dikemukakan bagi maksud *prosiding jenayah/*suatu penyiasatan yang berhubungan dengan suatu perkara jenayah yang melibatkan kesalahan berat asing ... (perihal kesalahan) di\$; dan

- (b) terdapat alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa keterangan material yang berkaitan dengan *prosiding jenayah/*penyiasatan itu, iaitu¥, berada di Malaysia *dalam milikan (nama atau perihalan orang atau pihak berkuasa)/ *di (nama atau perihalan tempat):

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada saya oleh subseksyen 23(1) Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002, saya,, Peguam Negara Malaysia, memberi kuasa (nama pegawai diberi kuasa) untuk memohon kepada Mahkamah *Majistret/ *Sesyen/ *Tinggi di (nama Negeri atau Daerah), yang merupakan *Negeri/ *Daerah di mana keterangan material itu dipercayai berada, bagi pengemukaan¥ yang diminta oleh§ melalui (nama atau perihalan orang atau pihak berkuasa).

.....
(Tarikh)

.....
Peguam Negara
Malaysia

* Potong jika tidak berkenaan.

§ Masukkan nama Negara asing yang ditetapkan.

¥ Masukkan nama atau perihalan ringkas keterangan material yang berkaitan dengan permintaan Negara asing yang ditetapkan itu.

BORANG 13

[Subperaturan 16(2)]

AKTA BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH 2002

PERMOHONAN BAGI PERINTAH PENGEMUKAAN

AMBIL PERHATIAN bahawa Mahkamah *Majistret/ *Sesyen/ *Tinggi akan diminta pada (tarikh) oleh Pemohon yang dinamakan di atas untuk mengeluarkan suatu Perintah Pengemukaan di bawah seksyen 23 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002.

Alasan bagi menyokong permohonan ini adalah seperti yang terdapat dalam Pernyataan yang difailkan bersama-sama dengan permohonan ini.

Afidavit yang *diangkat sumpah/ *diikrarkan pada (tarikh) dan yang difailkan dalam permohonan ini hendaklah dibaca bagi menyokong permohonan ini.

.....
(Tarikh)

Catatan No.tahun

.....
(Kerani)

(Meterai)

.....
(Tandatangan)

.....
(Perihalan)

* Potong jika tidak berkenaan.

BORANG 14
[Subperaturan 16(3)]

AKTA BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH 2002

PERINTAH PENGEMUKAAN

Kepada:.....(*nama dan alamat orang*)

ATAS permohonan.....dan setelah membaca pernyataan
dan afidavit.....yang difailkan pada.....dan *setelah mendengar

DAN BAHAWASANYA saya berpuas hati bahawa—

- (a) *prosiding jenayah/*suatu penyiasatan yang berhubungan dengan suatu perkara jenayah yang melibatkan kesalahan berat asing(*perihalhan kesalahan*) telah dimulakan di§, suatu Negara asing;
- (b) terdapat alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa keterangan material yang berkaitan dengan *prosiding jenayah/*penyiasatan itu, iaitu¥, berada di Malaysia *dalam milikan.....(*nama atau perihalan orang atau pihak berkuasa*)/ *di.....(*nama atau perihalan tempat*); dan
- (c)(*pihak berkuasa yang berkenaan Negara asing yang ditetapkan*) telah meminta Peguam Negara Malaysia untuk membuat aturan bagi pengemukakan keterangan material itu di bawah seksyen 23 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002:

DAN BAHAWASANYA saya berpuas hati bahawa syarat-syarat yang berikut telah dipenuhi:

- (d) bahawa terdapat alasan yang munasabah untuk mengesyaki bahawa.....(*nama dan alamat orang*) telah melakukan atau mendapat manfaat daripada kesalahan berat asing.....(*perihalhan kesalahan*);
- (e) bahawa terdapat alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa benda yang berkaitan dengan permohonan itu, iaitu ¥—
 - (i) berkemungkinan mempunyai nilai substansial, sama ada benda itu sendiri atau bersama dengan benda lain, kepada perkara jenayah yang berkenaan dengannya permohonan itu dibuat; dan
 - (ii) tidak terdiri daripada atau termasuk butiran yang tertakluk kepada keistimewaan undang-undang (*sebagaimana yang ditakrifkan dalam subseksyen 2(1) Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002*); dan
- (f) bahawa tidaklah bercanggah dengan kepentingan awam atau mana-mana undang-undang bertulis bagi benda itu dikemukakan atau akses kepadanya diberikan:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada saya oleh seksyen 23 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002, saya,, *Majistret/ *Hakim Mahkamah Sesyen/ *Hakim Mahkamah Tinggi di (*nama Negeri atau Daerah*), yang merupakan *Negeri/ *Daerah di mana¥ dipercayai berada, melalui Perintah ini menghendaki anda, (*nama dan alamat orang*) untuk—

- ☐ dalam masa *7 hari/ *..... (*apa-apa tempoh lain yang ditentukan oleh mahkamah*) dari Perintah ini di (*tempat*) mengemukakan ¥ itu dan jika¥ itu terdiri daripada maklumat yang terkandung dalam atau yang boleh dicapai melalui apa-apa kelengkapan data (*sebagaimana yang ditakrifkan dalam subseksyen 24(7) Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002*), mengemukakan bahan itu dalam bentuk yang boleh dibawa pergi dan yang boleh dilihat, mudah dibaca dan boleh difahami;

- ☐ dalam masa *7 hari/ *(apa-apa tempoh lain yang ditentukan oleh mahkamah) dari Perintah ini memberikan.....(nama dan alamat pegawai diberi kuasa) akses kepada¥ itu dan jika.....¥ itu terdiri daripada maklumat yang terkandung dalam atau yang boleh dicapai melalui apa-apa kelengkapan data (sebagaimana yang ditakrifkan dalam subseksyen 24(7) Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002), memberikan akses kepada bahan itu dalam bentuk yang boleh dilihat, mudah dibaca dan boleh difahami;
- ☐ membenarkan premis di(nama, perihalan dan alamat premis) dimasuki supaya(nama dan alamat pegawai diberi kuasa) dibenarkan masuk ke premis itu untuk mendapatkan akses kepada¥ itu pada.....(tarikh dan masa);
- ☐ membenarkan.....(nama dan alamat pegawai diberi kuasa) mengambil gambar atau membuat salinan atau kedua-dua mengambil gambar dan membuat salinan apa-apa benda yang dikemukakan atau yang akses kepadanya diberikan menurut Perintah ini;

.....¥ itu hendaklah dihantar ke§ untuk digunakan dalam *prosiding jenayah/* penyasatan yang berhubungan dengan suatu perkara jenayah yang melibatkan kesalahan berat asing ... (perihalan kesalahan).

Perintah ini—

- (a) tidak memberikan apa-apa hak bagi pengemukaan, atau akses kepada, butiran yang tertakluk kepada keistimewaan undang-undang; dan
- (b) hendaklah mempunyai kuat kuasa walau apa pun apa-apa obligasi tentang kerahsiaan atau sekatan lain ke atas penzahiran maklumat yang dikenakan oleh undang-undang atau selainnya.

.....
(Tarikh)

Catatan No. tahun

.....
(Kerani)

(Meterai)

.....
(Tandatangan)

.....
(Perihalan)

* Potong jika tidak berkenaan.

§ Masukkan nama Negara asing yang ditetapkan.

¥ Masukkan nama atau perihalan ringkas benda yang berkaitan dengan permintaan Negara asing yang ditetapkan itu.

☐ Tandakan (✓) jika berkenaan.

Catatan:

Seseorang yang kepadanya suatu perintah pengemukaan di bawah seksyen 23 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 telah disampaikan yang—

- (a) tanpa alasan yang munasabah melanggar atau tidak mematuhi perintah pengemukaan itu; atau
- (b) dengan berupa sebagai mematuhi perintah sedemikian, mengemukakan atau menyediakan kepada pegawai diberi kuasa apa-apa bahan yang diketahui oleh orang itu adalah palsu atau mengelirukan dari segi matan tanpa—
- (i) menunjukkan kepada pegawai diberi kuasa itu bahawa bahan itu adalah palsu atau mengelirukan dan bahagian bahan itu yang palsu atau mengelirukan; atau

- (ii) memberikan maklumat yang betul kepada pegawai diberi kuasa jika orang itu memiliki, atau dapat dengan semunasabahnya memperoleh, maklumat yang betul,

melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 1 tahun atau kedua-duanya.

BORANG 15
[Subperaturan 17(1)]

AKTA BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH 2002

NOTIS BAGI KEHADIRAN DI NEGARA ASING YANG DITETAPKAN

Kepada: (nama dan alamat orang)

BAHAWASANYA:

- (a) *prosiding jenayah/*suatu penyiasatan yang berhubungan dengan suatu perkara jenayah yang melibatkan kesalahan berat asing.....(perihal kesalahan) telah dimulakan di.....§, suatu Negara asing;
- (b) terdapat alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa anda tahu atau memiliki keterangan material yang berkaitan dengan *prosiding jenayah/*penyiasatan yang berhubungan dengan perkara jenayah itu, iaitu.....¥, atau selainnya dapat membantu dalam perkara jenayah itu;
- (c)(pihak berkuasa yang berkenaan Negara asing yang ditetapkan) telah meminta saya membantu untuk mengaturkan kehadiran anda di.....§ bagi maksud memberikan *keterangan/*bantuan berhubung dengan *prosiding jenayah/*penyiasatan yang berhubungan dengan perkara jenayah itu di bawah seksyen 27 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002;
- (d) saya berpuas hati bahawa—
- (i) permintaan itu berkaitan dengan suatu perkara jenayah di§, suatu Negara asing yang ditetapkan, yang melibatkan suatu kesalahan berat asing;
- (ii) terdapat alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa anda dapat memberikan *keterangan/*bantuan yang berkaitan dengan perkara jenayah itu;
- (iii)(pihak berkuasa yang berkenaan Negara asing yang ditetapkan) telah memberikan aku janji untuk memadamkan berkenaan dengan perkara yang dikehendaki di bawah subseksyen 27(3) Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002;
- (e) perkiraan untuk penginapan anda semasa anda berada di.....§ menurut permintaan itu adalah seperti berikut:
-;
(Butir-butir tentang perkiraan penginapan)
- *(f)(pihak berkuasa yang berkenaan Negara asing yang ditetapkan) telah membuat aku janji untuk membayar *fi/*elaun/*perbelanjaan yang berikut kepada anda semasa anda berada di§ menurut permintaan itu:
-;
(Butir-butir tentang *fi/*elaun/*perbelanjaan)
- *(g) perkiraan untuk keselamatan anda semasa anda *dalam perjalanan pergi ke dan balik dari/*berada di§ menurut permintaan itu adalah seperti berikut:
-;
(Butir-butir tentang perkiraan keselamatan)

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada saya oleh seksyen 27 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002, saya,, Peguam Negara Malaysia, meminta anda hadir pada (*tarikh, masa dan tempat*) untuk menentukan sama ada anda dengan rela hati bersetuju untuk pergi ke dan hadir di§ sebagaimana yang diminta dan jika demikian, untuk membantu dalam perkiraan perjalanan anda ke§.

Anda dimaklumkan bahawa di bawah subseksyen 27(4) Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002, anda tidak akan dikenakan apa-apa penalti atau liabiliti atau selainnya termudarat di sisi undang-undang semata-mata disebabkan oleh keengganan atau kegagalan anda untuk bersetuju untuk hadir sebagaimana yang diminta.

.....
(*Tarikh*)

.....
*Peguam Negara
Malaysia*

* Potong jika tidak berkenaan.

§ Masukkan nama Negara asing yang ditetapkan.

¥ Masukkan nama atau perihalan ringkas keterangan material yang berkaitan dengan permintaan Negara asing yang ditetapkan itu.

BORANG 16

[Subperaturan 18(2)]

AKTA BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH 2002

PERMINTAAN BAGI PENGEMUKAAN

Kepada:.....

BAHAWASANYA:

- (a) *prosiding jenayah/*suatu penyiasatan yang berhubungan dengan suatu perkara jenayah yang melibatkan kesalahan berat asing(*perihalan kesalahan*) telah dimulakan di.....§, suatu Negara asing;
- (b) terdapat alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa.....(*nama orang*) *yang disabitkan oleh Mahkamah..... di..... pada..... kerana melakukan kesalahan.....dan yang kini sedang menjalani hukumandi...../ *yang ditahan di bawah..... (*nyatakan undang-undang yang berkenaan*) di.....(*tempat tahanan*) tahu atau memiliki keterangan material yang berkaitan dengan *prosiding jenayah/*penyiasatan yang berhubungan dengan perkara jenayah itu, iaitu..... ¥, atau selainnya dapat membantu dalam perkara jenayah itu; dan
- (c)(*pihak berkuasa yang berkenaan Negara asing yang ditetapkan*) telah meminta saya membantu untuk mengaturkan pemindahan sementara..... (*nama orang*) ke.....§ bagi maksud memberikan *keterangan/*bantuan berhubung dengan *prosiding jenayah/*penyiasatan yang berhubungan dengan perkara jenayah itu di bawah seksyen 27 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada saya oleh seksyen 28 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002, saya,....., Peguam Negara Malaysia, meminta anda,....., untuk mengemukakan.....(*nama orang*) pada(*tarikh, masa dan tempat*) untuk menentukan sama ada dia dengan rela hati bersetuju untuk pergi ke dan hadir di.....§ sebagaimana yang diminta dan jika demikian, untuk membantu dalam perkiraan perjalanannya ke§.

.....
(*Tarikh*)

.....
Peguam Negara
Malaysia

* Potong jika tidak berkenaan.

§ Masukkan nama Negara asing yang ditetapkan.

¥* Masukkan nama atau perihalan ringkas keterangan material yang berkaitan dengan permintaan Negara asing yang ditetapkan itu.

BORANG 17
[Subperaturan 19(1)]

AKTA BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH 2002

WARAN PEMINDAHAN SEMENTARA

Kepada:.....

BAHAWASANYA:

- (a) *prosiding jenayah/*suatu penyiasatan yang berhubungan dengan suatu perkara jenayah yang melibatkan kesalahan berat asing (*perihalan kesalahan*) telah dimulakan di§, suatu Negara asing;
- (b) terdapat alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa..... (*nama orang*), *seorang banduan/ *seorang di bawah tahanan di..... (*tempat pemenjaraan atau tahanan*) di Malaysia, dapat memberikan keterangan atau bantuan yang berkaitan dengan perkara jenayah itu;
- (c)(*pihak berkuasa yang berkenaan Negara asing yang ditetapkan*) telah meminta bantuan saya di bawah seksyen 27 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 untuk mengaturkan pemindahan sementara.....(*nama orang*) ke§ bagi maksud memberikan *keterangan/*bantuan dalam perkara jenayah itu;
- (d)(*nama orang*) telah dengan rela hati bersetuju untuk pergi ke dan hadir di§ sebagaimana yang diminta bagi maksud memberikan *keterangan/*bantuan dalam perkara jenayah itu; dan
- (e)(*nama orang*) sepatutnya dilepaskan daripada *jagaan/ *tahanan pada..... (*tarikh*) di bawah.....(*nyatakan undang-undang yang berkaitan*):

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada saya oleh seksyen 28 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002, saya,, Peguam Negara Malaysia, meminta anda,....., untuk mengemukakan.....(*nama orang*) ke dalam jagaan (*nama dan perihalan pegawai Negara asing yang ditetapkan*) di..... (*tempat*) dan saya meminta anda,(*nama dan perihalan pegawai Negara asing yang ditetapkan*) itu, untuk menerima orang tersebut ke dalam jagaan anda di(*tempat*) dan

